



SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO
TARIKH	:	4/9/2018
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN
		MUKA SURAT : 14



ELI juga gemar menikmati tembikai selain rumput nepial.

**Nazirul Roselan**  
cnews@nstp.com.my

#### Temerloh

Seekor anak gajah betina yang kudung kaki kanan selepas terkena jerat dawai pemburu haram, kini menjadi tarikan utama pengunjung di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) di Kuala Gandah, Lanchang di sini.

Penderitaan anak gajah yang diberi gelaran Eli berusia dua tahun itu mendapat perhatian dan diberikan penjagaan rapi oleh kakitangan PKGK seperti menatang minyak penuh.

Nama Eli dipilih kerana tempat asal haiwan liar itu ditemui di Jeli, Kelantan dan ia ditempatkan di PKGK sejak awal tahun lalu.

Penjaganya, Mohamad Suri Aziz, 41, berkata, menjaga Eli bukan tugas mudah kerana pada peringkat awal, anak gajah itu sukar menyesuaikan diri dengan kaki palsu yang disumbangkan Universiti Malaya.

"Malah, Eli juga perlu me-

nyesuaikan diri dengan kawasan baru di pusat ini. Tetapi apabila sudah lama di sini, Eli semakin selesa dan suka dimanja serta dibelai.

"Ia juga suka bermain kerana masih kecil dan makanan kegemarannya Eli adalah tembikai," katanya.

Mohamad Suri berkata, anak gajah itu menjadi perhatian lebih 2,000 pengunjung sempena sambutan Hari Gajah Sedunia 2018 semalam dan Eli selesa dengan kunjungan orang ramai.

Katanya, Eli masih menyusu dan 20 liter diperlukan setiap hari untuk keperluan anak gajah itu.


"Kami sediakan susu formula enamel dengan campuran gula merah. Ia minum empat kali sehari, iaitu setiap sesi lima liter.

"Menampung keperluan selernya, kita juga beri makan rumput nepial," katanya yang mengakui Eli mesra dan mudah didekati pengunjung kerana usianya masih muda.

Pusat konservasi itu dibuka pada 1989 dan setakat ini menempatkan 30 gajah termasuk dewasa.



MOHAMAD Suri (kanan) memberi susu bercampur gula merah kepada Eli.



ELI minum lima liter susu sebanyak empat kali sehari.

## Gelagat manja Eli

■ Anak gajah kudung kaki tarikan utama pengunjung PKGK



ELI memakai kaki palsu selepas kaki kanannya kudung akibat terkena jerat dawai pemburu haram.